



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGLIBATAN IMIGRAN CINA DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI DAERAH LUKUT, 1824-1920



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NUR HAFIZAH BT. MD. HAMZAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGLIBATAN IMIGRAN CINA DALAM KEGIATAN
PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH
DI DAERAH LUKUT, 1824-1920**

NUR HAFIZAH BT. MD. HAMZAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

3

24

Perakuan ini telah dibuat pada 12.....(hari bulan) (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NUR HAFIZAH BT. MD. HAMZAH, M20211000203, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGLIBATAN IMIGRAN CINA DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI DAERAH LUKUT, 1824-1920

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. ADNAN BIN JUSOH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGLIBATAN IMIGRAN CINA DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI DAERAH LUKUT, 1824-1920

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (SEJARAH) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).


12/3/2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. ADNAN JUSOH
Penyiarah
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGLIBATAN IMIGRAN CINA DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN

BIJIH TIMAH DI DAERAH LUKUT, 1824-1920

No. Matrik / Matric's No.: M20211000203

Saya / I : NUR HAFIZAH BT. MD. HAMZAH

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 12/3/2024

PROF. MADYA DR. ADNAN JUSOH
Penyelerah
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkennaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya Nur Hafizah Bt. Md. Hamzah dapat menyiapkan serta menyempurnakan disertasi yang bertajuk Penglibatan Imigran Cina Dalam Kegiatan Perlombongan Bijih Timah Di Daerah Lukut ini dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dalam melaksanakan disertasi ini, pelbagai cabaran dan rintangan yang ditempuhi khususnya dalam mencari bahan kajian serta melakukan penyelidikan. Namun demikian, berkat kesabaran dan sokongan pelbagai pihak, akhirnya saya dapat menyiapkan disertasi dengan jayanya.

Pada kesempatan ini saya mengucapkan sekalung penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Adnan bin Jusoh sebagai penyelia yang tidak jemu memberikan bimbingan, dorongan, nasihat, teguran dan buah fikiran kepada saya sepanjang penyediaan untuk melengkapkan disertasi ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan khas buat beliau. Ucapan penghargaan ini juga dirakamkan kepada Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia yang menaja pengajian saya. Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada Dr. Sahul Hamid bin Mohamed Maiddin serta semua pensyarah di Jabatan Sejarah kerana telah membuka mata dan minda serta membimbang saya selama berada di Universiti Pendidikan Sultan Idris. 05-Ucapan terima kasih juga kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI), Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM), Perpustakaan Negara (Kuala Lumpur), Perbadanan Perpustakaan Awam (Shah Alam), Muzium Lukut (Negeri Sembilan), Muzium Cina Malaysia Wisma Huazong serta di atas bantuan dan kerjasama yang diberikan serta bantuan menggunakan bahan-bahan yang berkaitan dengan disertasi ini.

Di samping itu, suka cita ingin saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kedua ibu dan bapa saya iaitu Encik Md. Hamzah bin Md Yusoff dan Hasnah binti Husin yang banyak memberi bantuan, kata-kata perangsang dan doa restu dalam membantu saya menyiapkan dan menyempurnakan disertasi ini. Seterusnya, tidak ketinggalan ingin saya merakamkan ucapan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan yang tidak jemu menghulurkan bantuan serta motivasi dalam menyiapkan disertasi ini.

Akhir kata, terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa disertasi ini disiapkan. Segala bentuk bantuan, dorongan dan teguran yang diberikan oleh semua pihak akan saya kenang hingga akhir hayat. Semoga penyelidikan ini dapat menjadi rujukan serta manfaat pada masa akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut dari tahun 1824 sehingga 1920. Aktiviti perlombongan bijih timah merupakan faktor yang mendorong penglibatan imigran Cina di daerah Lukut. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat analisis dokumen dan manuskrip merujuk sumber primer dari Arkib Negara Malaysia dan Muzium Lukut seperti Laporan Tahunan Negeri Sembilan dan *Report Tin Mining*. Analisis daripada sumber sekunder turut dilakukan bagi mendapatkan maklumat dengan merujuk buku dan artikel di Perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI) dan Perpustakaan Negara Malaysia. Dapatkan kajian membuktikan semenjak kedatangan imigran Cina, kota Lukut mengalami perubahan yang pesat khususnya dalam aktiviti perlombongan bijih timah. Perkembangan ini disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah pengeluaran bijih timah akibat pengenalan teknologi baharu dalam kaedah perlombongan. Selain itu, kemasukan mereka turut merubah landskap kota Lukut dari sebuah pekan kecil lalu berkembang menjadi sebuah bandar yang setanding dengan bandar di Eropah akibat kemunculan pelbagai premis perniagaan, kemudahan prasarana serta jaringan pengangkutan. Namun, kemasukan imigran Cina turut menimbulkan kesan negatif antaranya, kegiatan kongsi gelap, pelacuran, ketagihan cандu, arak dan judi. Dapatkan juga menunjukkan kemasukan imigran Cina menyebabkan berlaku pertelingkahan dalam kalangan pembesar Melayu sehingga mendorong campur tangan British di Lukut. Selain itu, masyarakat tempatan turut kehilangan mata pencarian dalam sektor ini akibat kebanjiran imigran Cina di Lukut. Kesimpulannya, penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah membawa perubahan besar kepada perkembangan Lukut tetapi hanya menguntungkan British dan orang Cina manakala masyarakat tempatan terpinggir dan pemodenan berlaku hanya di kawasan sekitar perlombongan sahaja. Implikasi kajian ini sangat penting khususnya kepada Arkib Negara Malaysia dan institusi berkepentingan lain dalam menyebarluaskan pemahaman tentang kesan kemasukan imigran Cina di daerah Lukut.





INVOLVEMENT OF CHINESE IMMIGRANTS IN ACTIVITIES TIN MINING IN THE LUKUT DISTRICT, 1824-1920.

ABSTRACT

This study is about the involvement of Chinese immigrants in tin mining activities in Lukut district from 1824 to 1920. Tin mining activity is a factor that encourages the involvement of Chinese immigrants in the Lukut area. The methodology of this study used a qualitative method by analyzing documents and manuscripts referring to primary sources from the National Archives of Malaysia and the Lukut museum such as the Negeri Sembilan Annual Report and Tin Mining Report. Analysis from secondary sources was also carried out to obtain information by referring to books and articles in the Tuanku Bainun Library (UPSI) and the National Library of Malaysia. The findings prove that since the arrival of Chinese immigrants, Kota Lukut has experienced rapid changes, especially in tin mining activities. This development is due to an increase in the volume of tin production due to the introduction of new technologies in mining methods. In addition, their entry also changed the landscape of Kota Lukut from a small town and developed into a city comparable to cities in Europe due to the emergence of various business premises, infrastructure facilities and transportation networks. However, the influx of Chinese immigrants also caused negative effects such as secret societies, prostitution, opium addiction, alcohol and gambling. The findings also showed that the influx of Chinese immigrants caused disputes among the Malay Rulers, prompting British intervention in Lukut. In addition, the local community also lost their livelihood in this sector due to the influx of Chinese immigrants in Lukut. In conclusion, the involvement of Chinese immigrants in tin mining activities brought major changes to the development of Lukut but only benefited the British and the Chinese while the local community was marginalized and modernization occurred only in the mining area. The implications of this study are very important especially to the National Archives of Malaysia and other interested institutions in disseminating an understanding of the impact of the influx of Chinese immigrants in the Lukut district.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI PETA	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI FOTO	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7



1.7 Skop Kajian	9
1.8 Tinjauan Kajian Lepas	10
1.9 Metodologi Kajian	17
1.10 Pembahagian Bab	20
Bab 1: Pengenalan	20
Bab 2: Latar Belakang	20
Bab 3: Penglibatan Imigran Cina Dalam Aktiviti Perlombongan Bijih Timah Di Daerah Lukut	21
Bab 4: Sumbangan Imigran Cina Terhadap Perkembangan Ekonomi Di Daerah Lukut	21
Bab 5: Implikasi Penglibatan Imigran Cina Dalam Kegiatan Perlombongan Bijih Timah Di Daerah Lukut	22
Bab 6: Kesimpulan	22
1.11 Kesimpulan	23

BAB 2 LATAR BELAKANG

2.1 Pendahuluan	24
2.2 Latar Belakang Daerah Lukut	25
2.3 Sejarah Penglibatan Orang Melayu Dalam Kegiatan Perlombongan Bijih Timah Di Daerah Lukut	31
2.4 Perkembangan Bijih Timah Di Daerah Lukut	34
2.5 Sejarah Awal Kedatangan Imigran Cina Di Daerah Lukut	37
2.6 Faktor Kedatangan Imigran Cina Di Daerah Lukut	39
2.6.1 Faktor Luar	39
2.6.2 Faktor Dalaman	43
2.7 Sejarah Perkembangan Imigran Cina Di Daerah Lukut	47



2.8 Pertambahan Bilangan Penduduk Di Daerah Lukut	51
2.9 Kesimpulan	54

BAB 3 PENGLIBATAN IMIGRAN CINA DALAM AKTIVITI PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI DAERAH LUKUT

3.1 Pendahuluan	55
3.2 Penglibatan Imigran Cina Dalam Perlombongan Bijih Timah	56
3.3 Permohonan Permit Dan Lesen Ke Atas Perusahaan Perlombongan Bijih Timah	60
3.4 Kaedah Perlombongan Bijih Timah	78
3.4.1 Kaedah Tradisional	78
3.4.2 Kaedah Moden	84
3.4.3 Kegiatan Melebur Bijih Timah	91
3.5 Kadar Waktu Bekerja Dan Upah Bekerja Imigran Cina	91
3.6 Hasil Pengeluaran Bijih Timah	96
3.7 Kesimpulan	102

BAB 4 SUMBANGAN IMIGRAN CINA TERHADAP EKONOMI DI DAERAH LUKUT

4.1 Pendahuluan	103
4.2 Kemudahan Pelabuhan	104
4.3 Pemodal Negeri-Negeri Selat	105
4.4 Kepakaran Tenaga Buruh	108
4.5 Tenaga Buruh Dalam Kalangan Imigran Cina	111
4.5.1 Buruh Upah	111
4.5.2 Buruh Paksa	116

4.6 Penjanaan Pendapatan Menerusi Kutipan Cukai	117
4.6.1 Kutipan Cukai Semasa Pentadbiran Raja Busu Hassan	117
4.6.2 Kutipan Cukai Semasa Pentadbiran Raja Jumaat	119
4.6.3 Kutipan Cukai Semasa Pentadbiran Raja Haji Bot	121
4.6.4 Kutipan Cukai Semasa Pentadbiran British	121
4.7 Penjanaan Pendapatan Menerusi Kutipan Duti Eksport Bijih Timah	134
4.8 Pembangunan Infrastruktur	139
4.8.1 Premis Perniagaan	139
4.8.2 Premis Perjudian Dan Pajakan	142
4.8.3 Premis Menghisap Candu	144
4.8.4 Rumah Kongsi	147
4.8.5 Premis Pelacuran	148
4.8.6 Pembukaan Kedai Arak Dan Toddy	150
4.9 Kesimpulan	152

BAB 5 IMPLIKASI PENGLIBATAN IMIGRAN CINA DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI DAERAH LUKUT

5.1 Pendahuluan	153
5.2 Implikasi Penglibatan Imigran Cina	154
5.2.1 Lantikan Kapitan Cina	154
5.2.2 Pembentukan Undang-Undang Baharu	155
5.2.3 Pembangunan Di Daerah Lukut	158
5.2.4 Masalah Sosial Dalam Kalangan Imigran Cina	166



5.2.5 Pengurangan Pengeluaran Dan Pendapatan	173
5.2.6 Kemerosotan Dan Kelangsungan Pasca Perang Perang Dunia Pertama Di Daerah Lukut	187
5.3 Kesan Secara Tidak Langsung	189
5.4 Kesimpulan	191
BAB 6 KESIMPULAN	193
BIBLIOGRAFI	206
LAMPIRAN	218





SENARAI PETA

No. Peta	Muka Surat
2.1 Peta Daerah Lukut Ke Rasa Dan Sungai Ujong	29
2.2 Daerah Lukut Di Bawah Mukim Port Dickson	30
3.1 Lakaran Kasar Permohonan Mr. Kester Ke Atas Tanah Lombong Bijih Timah Daerah Lukut	66
3.2 Permohonan Lesen Oleh Towkay Tan Kay Swee Bagi Mengusahakan Perlombongan Bijih Timah Di Lembah Lukut Kechil	68
3.3 Permohonan Lesen Oleh Mr. CA. Campbell Bagi Mengusahakan Perlombongan Bijih Timah Di Daerah Lukut	73
3.4 Lakaran Tanah Dimohon Oleh Wee Loh Gee Ke Atas Tanah Lombong Bijih Timah Daerah Lukut	74
5.1 Pengambilan Tanah Untuk Pembinaan Jalan Di Daerah Lukut	162





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Keluasan tanah lombong bijih timah mengikut harga ekar.	61
3.2 Permohonan bagi mengusahakan tanah perlombongan bijih timah.	64
3.3 Permohonan tanah perlombongan bijih timah mengikut ekar pada tahun 1904 sehingga 1905 dan isu permohonan permit dan lesen peleburan bijih timah.	71
3.4 Pemulangan pengeluaran bijih timah bagi tahun 1919 dan 1920 mengikut daerah di Negeri Sembilan.	76
3.5 Jadual Gaji Individu Daerah Pantai Bagi Tahun 1904	94
3.6 Pendapatan Timah Dan Bijih Timah Bagi Tahun 1900 Dan 1901.	99
3.7 Pulangan Bulanan Hasil Tanah Bijih Timah Bagi Tahun 1905.	101
4.1 Tenaga Kepakaran Imigran Cina Di Daerah Lukut	109
4.2 Cara bekerja pelombong Cina di daerah Lukut tahun 1905.	114
4.3 Pemerolehan sewaan hasil tanah di daerah Lukut bagi tahun 1895.	129
4.4 Jenis Penjanaan Cukai Pelbagai Di Daerah Lukut Pada Tahun 1882 Sehingga 1894	133
5.1 Perbandingan Kadar Jenayah Dalam Kalangan Imigran Cina Yang Ditangkap Dan Dibicarakan Kes Bagi Tahun 1892 Dan 1893 Di Negeri Sembilan.	157





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

5.2	Penyakit Dan Bilangan Kematian Sebenar Mengikut Kadar Sepadan Per <i>Milled</i>	177
5.3	Bilangan Pelombong Bijih Timah Dalam Kalangan Imigran Cina Di Daerah Lukut	186



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Bilangan Penambahan Imigran Cina Di Daerah Lukut.	53
3.1 Bilangan Penglibatan Imigran Cina Di Daerah Lukut.	59
3.2 Kaedah melampan.	80
3.3 Pam Rantai atau Chin-Chia.	85
3.4 Kaedah Pam Kerikil.	88
3.5 Mengoperasi Kaedah Pam Kerikil.	89
3.6 Pengeluaran hasil bijih timah bagi daerah Pantai (Lukut), 1824-1894.	97
4.1 Kutipan Cukai Bijih Timah di Daerah Lukut Pada Tahun 1882 sehingga 1914	124
4.2 Kutipan Cukai Candu Di Daerah Lukut	126
4.3 Permit Sewa Tanah Lombong Bijih Timah, Sewa Tanah Lombong Bijih Timah Dan Cukai Mengusahakan Bijih Timah Di Daerah Lukut Pada Tahun 1889 Sehingga 1905	131
4.4 Duti Eksport Bijih Timah Bagi Daerah Lukut Pada Tahun 1888 Sehingga 1905 dalam pikul	135
4.5 Duti Eksport Bijih Timah Bagi Daerah Lukut Pada Tahun 1880 Sehingga 1904	137
4.6 Premis Pelacuran Dan Bilangan Pelacur Dalam Kalangan Imigran Cina Mengikut Daerah di Negeri Sembilan	150
5.1 Sumbangan Imigran Cina Ke Atas Pembinaan Jalan Raya Di Daerah Lukut.	165
5.2 Bilangan imigran Cina yang terlibat dengan pemberontakan di daerah Lukut	172





5.3	Bilangan Imigran Cina Daerah Lukut Yang Menerima Vaksin.	177
5.4	Bilangan Kematian Imigran Cina Di Daerah Lukut Bagi Tahun 1834 Sehingga 1904.	179
5.5	Bilangan Imigran Cina Yang Dihantar Pulang Ke Negara China.	185





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

SENARAI FOTO

No. Foto	Muka Surat
3.1 Alat Melombong Bijih Timah	82



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xviii

SENARAI SINGKATAN

ANM	Arkib Negara Malaysia
No.	Nombor
NNM	Negeri-negeri Melayu
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNS	Negeri-negeri Selat
SHTI	Syarikat Hindia Timur Inggeris
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Kawasan Perlombongan Bijih Timah Di Daerah Lukut Pada Tahun 1878.
- B Pelombongan Cina Menjalankan Aktiviti Perlombongan Bijih Timah Pada Tahun 1900.
- C Permohonan Lesen Oleh Tauke Tan Kay Swee Bagi Mengusahakan Perlombongan Bijih Timah Di Lembah Lukut Kechil
- D Imigran Cina Daerah Lukut Menjalankan Kegiatan Perlombongan Bijih Timah Menggunakan Peralatan Tradisional Pada Tahun 1846.
- E Daerah Lukut Yang Menjadi Tumpuan Kehadiran Imigran Cina Bagi Menjalankan Kegiatan Perlombongan Bijih Timah Pada Tahun 1860.
- F Alat Perlombongan Bijih Timah.
- G Imigran Cina Sedang Mengangkat Bijih Timah Pada Tahun 1824.
- H Pakaian Lengkap Pelombongan Cina Dan Pegawai Lombong Bijih Timah Di Daerah Lukut.
- I Kegiatan Perlombongan Bijih Timah Di Daerah Lukut Pada Tahun 1824.
- J Lanca Atau Alat Pengangkutan Bagi Mengangkat Bijih Timah





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Kajian penyelidikan akan memfokuskan tentang keistimewaan daerah Lukut sebagai sebuah pusat perlombongan bijih timah. Sehubungan itu, imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat (NNS) amat tertarik untuk datang ke daerah Lukut bagi menerajui industri perlombongan bijih timah. Mereka datang ke daerah Lukut kerana mencari peluang pekerjaan disebabkan oleh desakan hidup di negara China. Keadaan ini menyebabkan kebanjiran imigran Cina di daerah Lukut. Penglibatan imigran Cina dalam aktiviti perlombongan bijih timah secara aktif ini turut meningkatkan sumbangan pendapatan ekonomi kepada daerah Lukut.





Namun, setelah peralihan kaedah perlombongan bijih timah kepada penjanaan kuasa elektrik secara tidak langsung mengurangkan keperluan tenaga buruh dalam kegiatan perlombongan bijih timah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kedudukan daerah Lukut yang strategik di antara Sungai Lukut dan Selat Melaka turut menjadi tumpuan kepada kehadiran pemodal NNS, pembesar Melayu, pedagang luar seperti Eropah dan Belanda. Pelabuhan Lukut mempunyai kemudahan infrastruktur seperti gudang yang besar.¹ Pelabuhan Sungai Lukut juga dapat memuatkan kehadiran kapal besar dan memberi keselesaan kepada para pedagang. Sehubungan dengan itu, daerah Lukut menjadi faktor utama pemodal NNS dan imigran Cina untuk singgah berdagang di sekitar kawasan pelabuhan Lukut. Ini kerana mereka menjadikan pelabuhan Lukut sebagai tempat perlindungan sementara menunggu perubahan tiupan angin monsun Timur Laut dan Barat Daya.

Daerah Lukut merupakan daerah pertama yang ditemui hasil bijih timah bagi negeri Selangor. Oleh hal yang demikian, Sultan Ibrahim Shah ibni almarhum Sultan Salehuddin Shah memberikan kelonggaran ke atas kemasukan imigran Cina dan pemodal NNS untuk mengusahakan serta membuat pelaburan dalam kegiatan perlombongan bijih timah. Mereka juga diberikan kebebasan untuk membuka kawasan lombong bijih timah namun perlu mematuhi dan membayar cukai yang ditetapkan oleh

¹ *Straits Settlement Records*, F1, 22 Ogos 1818; The Administration Report of the State of Selangor for the Year 1889.





pembesar Melayu. Impaknya, daerah Lukut bukan sahaja mengalami perkembangan dalam industri perlombongan bijih timah namun turut membawa kepada peningkatan sumber pendapatan ekonomi daerahnya. Pada awal abad ke-19, bijih timah daerah Lukut mendapat permintaan yang tinggi di pasaran Eropah akibat perkembangan Revolusi Perindustrian terutamanya bagi industri mengetin makanan.² Keadaan ini turut membawa kepada keperluan bilangan tenaga buruh yang ramai bagi mengusahakan kegiatan perlombongan bijih timah di daerah tersebut. Justeru, berlaku kemasukan imigran Cina secara besar-besaran demi menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah. Tambahan pula, pembesar Melayu daerah Lukut juga mempunyai hubungan yang baik dengan pemodal NNS.

Walau bagaimanapun, kegemilangan daerah Lukut turut menimbulkan konflik

dalam kalangan pembesar Melayu. Perkara ini dapat dilihat apabila berlakunya tuntutan ke atas daerah Lukut oleh Dato' Kelana Sending yang memerintah Sungai Ujong antara tahun 1850 sehingga 1872. Dato' Kelana Sending juga beranggapan bahawa Sultan Abdul Samad ibni almarhum Tengku Abdullah (Sultan Selangor keempat) yang mentadbir Kesultanan Selangor pada tahun 1857 sehingga 1898³ mengambil daerah Lukut secara tidak adil. Ini termasuklah kawasan Tanjung Tuan yang turut dibina rumah api oleh pentadbiran British.⁴ Namun, tuntutan ini tidak berjaya diselesaikan kerana terdapat bantahan daripada Raja Jumaat bin Raja Jaafar. Sebaliknya, selepas kemangkatan Raja Jumaat bin Raja Jaafar sekali lagi Dato' Kelana Sending

² Amarjit Kaur, *Perkembangan Ekonomi Selangor: Suatu Tinjauan Sejarah*, Ed. Adnan Nawang & Mohd Fadzil Othman, Selangor Dahulu dan Sekarang, (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985), 174.

³ B/SUK 295/98, Surat Watikah daripada Sultan Abdul Samad ibni Raja Abdullah kepada Raja Jumaat bin Raja Jaafar, 20 Mei 1861.

⁴ Rosiswandy Mohd. Salleh, *Sejarah Lukut Kegemilangan Sebuah Pemerintahan Melayu Abad Ke-19*, (Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 2019), 148.





menjalankan tuntutan semula ke atas daerah Lukut semasa di bawah pemerintahan Raja Muhammad Saleh atau lebih dikenali sebagai Raja Haji Bot bin Raja Jumaat yang mentadbir daerah Lukut bermula tahun 1864 sehingga 1878.⁵

Tuntutan isu persempadanannya daerah Lukut dengan Sungai Ujong ini membawa kepada campur tangan British bagi menyelesaikan isu tuntutan persempadanannya. Sehingga tahun 1868, isu persempadanannya daerah Lukut dengan Sungai Ujong masih belum berjaya diselesaikan. Raja Haji Bot bin Raja Jumaat tidak berjaya memberikan jaminan keselamatan serta keamanan kepada pemodal NNS dan imigran Cina hingga menyebabkan mereka sentiasa hidup dalam ketakutan. Oleh itu, imigran Cina ini mula berhijrah ke kawasan perlombongan bijih timah yang baharu bagi meneruskan pekerjaan mereka. Campur tangan British melalui perjanjian persempadanannya Selangor dengan Sungai Ujong pada 31 Julai 1878 mengakibatkan berlakunya penyerahan daerah Lukut kepada Sungai Ujong secara rasminya. Tambahan pula, perjanjian yang dimeterai oleh Sultan Abdul Samad diperkenankan dengan cap mohornya.⁶ Impaknya, daerah Lukut secara rasminya bertukar negeri dan pentadbiran iaitu di bawah pemerintahan Negeri Sembilan di mukim Port Dickson.

1.3 Permasalahan Kajian

Pada dasarnya industri perlombongan bijih timah di daerah Lukut mula diterokai oleh orang Melayu secara orang perseorangan dan secara kecil-kecilan sahaja. Lazimnya,

⁵ C.O.273/98/3689, Raja Bot's Future Petition in Lukut.

⁶ C.O. 273/95/1440, Conclusion of A Boundary Arrangement Between Salangore & Sungai Ujong.



pelombong Melayu menggunakan kaedah tradisional seperti mendulang dan melampan. Malah, ada dalam kalangan sesetengah mereka yang melombong bijih timah dengan menggunakan kaedah lombong dedah. Namun, hasil pendapatan pelombong Melayu tidaklah sebanyak hasil pendapatan pelombong Cina. Hal ini kerana mereka tidak mempunyai peralatan yang sesuai untuk melombong bijih timah di kawasan yang jauh lebih dalam. Selain itu, faktor bencana alam seperti banjir juga turut menyukarkan orang Melayu untuk menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut. Justeru setelah kedatangan pelombong Cina di daerah Lukut teknik lombong dedah disesuaikan oleh orang Cina mengikut situasi keadaan iklim dan bentuk muka bumi setempat.

Tambahan pula, ketika pemerintahan Sultan Ibrahim Shah sebagai Sultan Selangor pada tahun 1824, baginda bukan sahaja tidak menghalang kemasukan pemodal NNS dan imigran Cina untuk mengusahakan perlombongan bijih timah secara besar-besaran di daerah Lukut. Malahan bagi melancarkan pentadbiran, baginda juga melantik seorang Kapitan Cina dalam kalangan kongsi gelap untuk menguruskan kemasukan imigran Cina di daerah Lukut. Kemasukan mereka ini menyebabkan industri perlombongan bijih timah berkembang dengan pesat. Pemerintah negara China yang memerintah pada ketika itu juga turut mendorong penghijrahan imigran Cina dari sebelah selatan negara mereka.⁷ Penghijrahan orang Cina secara beramai-ramai adalah bertujuan untuk mencari peluang pekerjaan demi meneruskan kelangsungan hidup.⁸ Pengambilan imigran Cina ini sebagai tenaga buruh turut mewujudkan peluang

⁷ Purcell, Victor, *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*. Terj. Nik Hasnaa Nik Mahmood, (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1997), 2.

⁸ Thock Ker Pong, *Ketuanan Politik Melayu: Respond Masyarakat Cina*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005), 19.



pekerjaan dalam sektor perlombongan bijih timah. Jika sebelum ini, penduduk asal daerah Lukut adalah dalam kalangan orang Melayu, namun setelah pembukaan tapak perlombongan bijih timah bilangan penduduk di daerah Lukut mula mengalami peningkatan. Walau bagaimanapun, kemasukan imigran Cina ini secara tidak langsung memberi implikasi kepada masyarakat daerah Lukut dalam pelbagai aspek.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut: -

- 1) Membincangkan latar belakang perlombongan bijih timah di daerah Lukut.
- 2) Mengenal pasti faktor yang mendorong penglibatan imigran Cina di daerah Lukut.
- 3) Menganalisis sumbangan imigran Cina terhadap ekonomi di daerah Lukut.
- 4) Menilai implikasi penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut.





1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang disenaraikan, soalan kajian yang berkaitan adalah seperti di bawah:

- a) Apakah perubahan yang berlaku terhadap senario perlombongan bijih timah di daerah Lukut?
- b) Apakah faktor dan sejauh manakah penglibatan mereka dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut?
- c) Bagaimanakah sumbangan dan peranan imigran Cina dalam ekonomi di daerah Lukut?
- d) Apakah implikasi penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut?



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut sekitar tahun 1824 sehingga tahun 1920 adalah untuk melihat kemasukan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah. Penglibatan imigran Cina ini secara tidak langsung membawa perubahan dan perkembangan kepada daerah Lukut terutamanya dari segi mobiliti sosial serta petempatan mereka. Oleh hal yang demikian, daerah Lukut menjadi pengeluar hasil bijih timah yang banyak. Tambahan pula, bijih timah dari daerah Lukut mendapat permintaan yang tinggi di pasaran dunia. Selanjutnya, kajian ini akan dapat menilai implikasi penglibatan imigran Cina ekoran





dari pada konflik yang tercetus kerana merebutkan kawasan perlombongan bijih timah di daerah Lukut. Keadaan ini bukan sahaja merugikan ekonomi daerah Lukut bahkan menyebabkan perbalahan sering berlaku. Tambahan pula, campur tangan pihak luar juga turut memberi implikasi terhadap perkembangan sejarah daerah Lukut. Hasil kajian yang dijalankan merupakan dapatan baharu yang dijalankan kerana berfokus kepada peranan imigran Cina yang bukan sahaja memajukan ekonomi daerah Lukut malah menyebab berlakunya penurunan bilangan imigran Cina ini di daerah Lukut.

Kajian ini juga penting kepada penambahbaikan sejarah warisan negara supaya generasi muda dapat menghayati dan mempelajari nilai sejarah. Selain itu, generasi muda dapat menghargai dan memelihara warisan khazanah negara agar terus terpelihara. Menerusi kepelbagaian kaum di daerah Lukut, secara tidak langsung masyarakatnya dapat menjalankan kegiatan harian mereka di bawah satu bumbung walaupun mempunyai kepelbagaian bangsa dan agama. Keadaan ini menjadikan masyarakat daerah Lukut hidup secara harmoni.

Hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbangkan kepada pensejarahan Selangor dan Negeri Sembilan seterusnya dapat menjadi rujukan kepada para penyelidik lain pada masa akan datang. Hal ini kerana kajian ini mampu memberikan gambaran sebenar mengenai sejarah perkembangan dan kegemilangan daerah Lukut pada tempoh masa tersebut dan boleh menyumbangkan kepada Arkib Negara Malaysia, Muzium Lukut, Perpustakaan Negara, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor serta Negeri Sembilan, Persatuan Sejarah Malaysia Selangor dan Negeri Sembilan.





Tambahan pula, harapan penyelidik agar kajian ini dapat memberi panduan kepada generasi muda dan bakal penyelidik sejarah untuk menambah ilmu tentang penglibatan imigran Cina dalam kegiatan bijih timah di daerah Lukut. Selanjutnya, kajian yang dijalankan ini akan memberi kesan yang sangat bermakna kepada masyarakat. Seterusnya kajian ini dapat dijadikan sebagai satu medium yang utama di samping meningkatkan nilai patriotisme dan kecintaan kepada negara. Oleh itu, diharap agar kajian ini mampu membantu kepada pendokumentasian dan menjadi rujukan kepada bakal penyelidik menjalankan kajian dalam bidang ilmiah selain dapat menyumbang kepada penambahbaikan sejarah buat tatapan generasi akan datang.

1.7 Skop Kajian



Skop kajian menumpukan penglibatan imigran Cina sebagai tenaga buruh dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut. Skop masa bagi kajian ini bermula pada tahun 1824 sehingga tahun 1920. Walaupun, kehadiran imigran Cina di daerah Lukut bermula seawal tahun 1815 atas tujuan perdagangan dan perlombongan bijih timah, namun tahun 1824 dipilih sebagai skop kajian. Hal ini kerana pada masa tersebut berlaku penerokaan serta pembukaan kawasan perlombongan bijih timah secara besar-besaran oleh imigran Cina ekoran kelonggaran yang diberikan oleh Sultan Ibrahim Shah ibni almarhum Sultan Salahuddin Shah dan pembesar Melayu daerah Lukut. Keadaan ini secara tidak langsung menggalakkan kehadiran imigran Cina untuk menjalankan kegiatan melombong bijih timah.





Sementara itu, tahun 1920 dipilih kerana tahun tersebut berlaku pengurangan imigran Cina setelah British memperkenalkan *Labour Enactment*.⁹ Pada waktu ini, penghantaran semula orang Cina ke negara asal secara besar-besaran berlaku. Selanjutnya, peralihan kepada penjanaan menerusi kuasa tenaga elektrik dalam penggunaan peralatan perlombongan bijih timah menyebabkan keperluan intensif buruh tidak diperlukan di daerah Lukut. Hal ini kerana pada tempoh masa ini, pemodal Australia mula memonopoli perlombongan bijih timah iaitu menerusi syarikat *Lukut Tin Dredging*.¹⁰

Selanjutnya, kawasan yang difokuskan adalah daerah Lukut di bawah mukim Port Dickson, Negeri Sembilan iaitu bersempadan dengan negeri Selangor pada masa kini. Keistimewaan daerah Lukut sebagai sebuah pusat perlombongan bijih timah pada tempoh masa tersebut turut mendorong pengkaji untuk membuat penyelidikan mengenai sejarah daerah Lukut. Ini bertujuan supaya warisan sejarah daerah Lukut akan terus dihargai oleh generasi pada masa kini.

1.8 Tinjauan Kajian Lepas

Tinjauan kajian lepas dapat memberikan gambaran awal mengenai maklumat yang ingin dikaji. Penyelidik melakukan pembacaan dengan merujuk beberapa sumber sekunder seperti artikel, buku, bab dalam buku dan kertas kerja. Bagi memantapkan

⁹ 1957/0081660, Report on Labour Laws FMS.

¹⁰ Rosiswandy Mohd Salleh, *Sejarah Lukut ‘Kegemilangan Sebuah Pemerintahan Melayu Abad Ke-19’*, (Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia & Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia, 2019), 175.





hasil kajian ini, penyelidik juga merujuk bahan bacaan yang berkaitan dengan sejarah Lukut. Penyelidik telah merujuk artikel Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Noor Ain Mat Noor dan Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli yang bertajuk “Lukut, 1846-1864: Bandar terawal di negeri Selangor”.¹¹ Penulisan ini mempunyai persamaan dengan penulisan Rosiswandy Mohd Salleh iaitu mengkhususkan kegemilangan pemerintahan pembesar Melayu semasa kegemilangan zaman pemerintahan Raja Jumaat. Beliau juga membuat pemodenan ke atas daerah Lukut. Lukut mengalami perubahan drastik sehingga bertukar status bandar moden yang dilengkapi pelbagai kemudahan infrastruktur. Walaupun kajian ini dalam lingkungan tempoh kajian namun kajian penyelidik adalah lebih awal iaitu tahun 1824 dan berakhir dengan tahun 1920. Hal ini kerana kajian penyelidik adalah untuk mengkaji mengenai sumbangan imigran Cina yang tidak hanya terikat kepada modal sebaliknya adalah keperluan tenaga buruh yang membuat pembinaan bagi setiap kemudahan infrastruktur di daerah Lukut.

Selain itu, pengkaji juga telah merujuk artikel Nurul Huda Mohd Akib dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus yang bertajuk “Lukut dalam sempadan dua negeri, 1862-1880”.¹² Jurnal ini juga mempunyai persamaan dengan penulisan Rosiswandy Mohd Salleh iaitu melihat dari aspek pentadbiran. Artikel ini memaparkan tuntutan yang dijalankan oleh Dato’ Kelana Sungai Ujong terhadap Lukut sehingga telah mengeluarkan Lukut dari wilayah Kesultanan Selangor. Tuntutan ini dijalankan kerana keistimewaan Lukut sebagai sebuah wilayah yang berkepentingan. Campur tangan British telah berjaya menyelesaikan masalah persempadanan Lukut dengan Sungai

¹¹ Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Noor Ain Mat Noor & Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli, “Lukut, 1846-1864: Bandar Terawal di Selangor,” *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol.47 (2), (2020):186. <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/41451/10810>

¹² Nurul Huda Mohd Akib & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, “Lukut dalam Sempadan Dua Negeri, 1862-1880,” *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol.18, No.7, (2021):161.



Ujong melalui Perjanjian Persempadanan 1878 yang dikuatkuasakan pada tahun 1880. Walaupun terdapat sedikit persamaan dengan kajian penyelidik dari aspek pemerintahan namun penyelidik tidak berfokus dalam aspek pentadbiran. Hal ini kerana tumpuan penyelidik adalah tentang penglibatan orang Cina dan kesannya dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut.

Penulisan artikel yang dihasilkan oleh L.D Gammans bertajuk “*The State of Lukut (With Text Figures)*” telah dirujuk oleh pengkaji.¹³ Penulisan ini memaparkan mengenai Lukut sebagai sebuah pusat perlombongan yang mendatangkan hasil yang lumayan bagi negeri Selangor. Sama seperti penulisan J.M Gullick dan Victor Purcell, artikel ini menceritakan berkenaan dengan peristiwa pembunuhan Raja Busu akibat penentangan imigran Cina terhadap cukai bijih timah yang dikenakan. Gammans juga menulis artikel mengenai aspek pemerintahan Raja Jumaat. Lukut itu, mengalami perkembangan bandar yang setaraf dengan bandar Eropah. Perbezaan dengan kajian pengkaji pula adalah pengkaji mengkhususkan mengenai peranan imigran Cina dalam memberi sumbangan guna tenaga mereka terhadap pembinaan pembangunan di daerah Lukut. Penulisan artikel ini juga tidak mempunyai rujukan kerana melalui pemerhatian laporan penulis. Justeru, penyelidik menggunakan sumber pertama seperti laporan tahunan dan dokumen rasmi yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia bagi mengukuhkan penulisan kajian ini.

¹³ L. D Gammans, “The State of Lukut, (With Text Figures),” *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 2, No. 3 (92), (1924):291.

Selain itu, “Sejarah Lukut” penulisan Zulkapli Haji Othman dan Mohd Khalid Yasin turut dirujuk.¹⁴ Artikel ini mempunyai sedikit persamaan dengan pembacaan sebelum ini iaitu memfokuskan aspek pemerintahan pembesar Melayu. Antara inti pati yang dibincangkan adalah sejarah Lukut pada awal abad ke-19 iaitu semasa pemerintahan Raja Busu sehingga berlakunya peristiwa pembunuhan Raja Busu. Turut dibincangkan adalah semasa pemerintahan Raja Jumaat, Kota Lukut mula dibina dan kecekapan beliau dalam menerajui Lukut menyebabkan pembangunannya. Artikel ini turut mencatatkan sedikit keturunan orang Cina yang menjalankan perniagaan dan pelombong bijih timah serta pusat gerakan kongsi gelap yang beribu pejabat di Lukut namun tidak dinyatakan secara terperinci. Berbanding kajian yang dilakukan, penyelidik akan menganalisis secara terperinci mengenai imigran Cina di daerah Lukut dari segi kemasukan sehingga berlakunya pengurangan sumbangan mereka dalam perlombongan bijih timah setelah *Labour Enactment* diperkenalkan. Penulisan artikel ini hanya merujuk sumber kedua iaitu tiga buah buku dan menggunakan sumber lisan. Oleh itu, bagi mengukuhkan penulisan, penyelidik merujuk kepada sumber primer yang terdapat di institusi yang berkaitan.

Seterusnya, penulisan buku oleh Rosiswandy Mohd Salleh yang bertajuk “*Sejarah Lukut Kegemilangan Sebuah Pemerintahan Melayu Abad Ke-19*” telah dirujuk.¹⁵ Penulisan ini memfokuskan mengenai kegemilangan pemerintahan Lukut sehingga terbinanya kota Lukut sebagai kawasan yang berkepentingan di bawah

¹⁴ Zulkapli Haji Othman & Mohd Khalid Yasin, Sejarah Lukut, Negeri Sembilan: *Warisan Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, No. 18, 7987, (1994):29-37.

<http://www.malaycivilization.com.my/omeka/files/original/1f25d072b7aedd7d6c130782a9e7d3e4.pdf>

¹⁵ Rosiswandy Mohd. Salleh, *Sejarah Lukut Kegemilangan Sebuah Pemerintahan Melayu Abad ke-19*, (Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia dan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia,2019), 10.

pentadbiran pembesar Melayu. Malah, buku ini turut membincangkan mengenai konflik yang berlaku dalam kalangan pembesar Melayu sehingga mengakibatkan campur tangan British. Namun, perbincangan mengenai sumbangan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut tidak dibincangkan di dalam buku ini kerana hanya memfokuskan dalam aspek pentadbiran pembesar Melayu abad ke-19. Penulisan buku ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemu bual waris keluarga pembesar Melayu dan merujuk artikel serta akhbar. Sementara penyelidik menganalisis dokumen rasmi dari arkib bagi membantu penulisan disertasi ini.

Penyelidik juga merujuk buku penulisan Buyong Adil iaitu “*Sejarah Selangor*”.¹⁶ Penulisan buku ini mengkhususkan mengenai pemerintahan dan pentadbiran Kesultanan Selangor sejak zaman purbakala sehingga zaman Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Penulisan sejarah Lukut juga disisipkan dalam bab kerana Lukut adalah sebuah daerah berdaulat di bawah pentadbiran Kesultanan Selangor sebelum tahun 1880. Namun, penulis hanya menyentuh sedikit semasa pentadbiran pembesar Melayu yang menggalakkan kehadiran imigran Cina untuk mengusahakan bijih timah. Penulisan pengkaji pula adalah berfokus kepada peranan imigran Cina ke atas perkembangan industri bijih timah di daerah Lukut. Secara tidak langsung menjana pendapatan ekonomi bagi daerah tersebut.

Selain itu, pengkaji telah merujuk karya J. M Gullick yang bertajuk “*A History of Selangor*”.¹⁷ Penulisan bab dalam buku ini mempunyai persamaan dengan Victor Purcell iaitu mengenai penghijrahan orang Cina ke Tanah Melayu dan mengenai tragedi

¹⁶ Buyong Adil, *Sejarah Selangor Siri Sejarah Nusantara (Edisi Semakan)*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019),193.

¹⁷ J.M Gullick, “A History of Selangor 1766-1939,” *MBRAS Monograph*, No. 28, (2004):37.



pembunuhan Raja Busu. Namun, Victor Purcell tidak menceritakan orang Cina melarikan diri dari Lukut kerana diburu oleh Raja Husin yang menuntut pembelaan ke atas kematian Raja Busu. Gullick turut menceritakan tentang kehebatan bandar Lukut dan menjadi tumpuan pedagang semasa kegemilangan pemerintahan Raja Jumaat. Walaupun, terdapat sedikit persamaan dalam aspek pemerintahan kajian pengkaji namun, skop yang dijalankan oleh penyelidik adalah mengenai sumbangan imigran Cina ke atas pembangunan daerah Lukut. Sebaliknya, Gullick pula hanya menulis mengenai Sejarah Selangor. Penulisan Gullick ini menggunakan sumber primer seperti laporan dan fail Selangor manakala sumber sekundernya adalah merujuk buku dan artikel. Penyelidik juga merujuk bahan arkib seperti laporan *Federated Malay State* dan laporan tahunan Negeri Sembilan dan tidak tertumpu kepada fail Selangor selari dengan skop kajian yang dijalankan oleh penyelidik.



Penyelidik turut merujuk bab dalam buku penulisan Khoo Kay Kim berjudul “*Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*”.¹⁸ Buku ini membincangkan mengenai latar belakang Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) awal abad ke-19. Buku ini mempunyai persamaan dengan penulisan Rosiswandy Mohd Salleh mengenai kemasukan orang Cina yang dibawa oleh Raja Busu bagi menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah di negeri Selangor. Namun, catatan buku ini mengenai kekacauan kongsi gelap adalah merangkumi NNMB secara umum. Walaupun, penulisan buku ini dalam lingkungan tempoh kajian pengkaji bagi tahun 1850-1873 namun kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah lebih awal dan lewat berbanding buku ini iaitu pada tahun 1824 dan diakhiri tahun 1920. Tambahan pula, pengkaji

¹⁸Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1984),7.



membincangkan mengenai sumbangan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah yang turut memberi impak kepada ekonomi daerah Lukut. Malah, perbincangan pengkaji adalah sehingga peralihan peralatan perlombongan bijih timah kepada penjanaan kuasa elektrik yang sekali gus tidak memerlukan keperluan tenaga imigran Cina.

Selanjutnya, penyelidik merujuk bab dalam buku penulisan Yip Yat Hoong yang bertajuk “*The Development of the Tin Mining Industry of Malaya*”.¹⁹ Terdapat sedikit maklumat mengenai pengeluaran bijih timah di Selangor yang diusahakan oleh orang Cina secara umum. Selain itu, terdapat juga perbincangan mengenai penggunaan alatan yang digunakan oleh orang Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah dan bukannya khusus kepada daerah Lukut. Perbincangan tersebut adalah bersifat umum kerana hanya melibatkan pengeluaran bijih timah di Tanah Melayu. Berbanding, penyelidik akan membincangkan mengenai pengeluaran dan penggunaan alatan perlombongan bijih timah yang digunakan oleh imigran Cina bagi daerah Lukut.

Selain itu, bab buku penulisan Victor Purcell yang bertajuk “*Orang-orang Cina di Tanah Melayu*” turut dirujuk oleh penyelidik.²⁰ Penulisan buku ini membincangkan mengenai sejarah awal penghijrahan orang Cina ke Tanah Melayu sehingga tahun 1946. Penulisan ini hanya mencatatkan sedikit mengenai peristiwa berdarah di Lukut yang melibatkan pembunuhan Raja Busu oleh pelombong Cina. Peristiwa pembunuhan ini akibat daripada rasa tidak puas hati pelombong Cina kerana dikenakan kenaikan cukai

¹⁹ Yip Yat Hoong, *The Development of the Tin Mining Industry of Malaya*, (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1969),57.

²⁰ Victor Purcell, *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*, Terj, Nik Hasnaa Nik Mahmood, (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1997),15.



terhadap pengeluaran bijih timah. Begitu juga dengan pusat pergerakan kongsi gelap yang beribu pejabat di Lukut. Perbincangan mengenai ekonomi dan masalah sosial seperti ketagihan candu dan pelacuran dalam kalangan orang Cina turut ditulis oleh Purcell. Bagaimanapun, kupsannya adalah secara menyeluruh di Tanah Melayu. Berbanding penulisan penyelidik yang akan memfokuskan mengenai penglibatan dan sumbangsan imigran Cina pada awal kemasukan mereka di Lukut yang juga turut membawa perubahan ke atas ekonominya. Karya penulisan Victor Purcell ini menggunakan sumber sekunder seperti buku dan jurnal. Berbeza dengan penyelidik yang menganalisis dokumen rasmi dari arkib bagi melancarkan penulisan ini.

Secara rumusannya, berpandukan penulisan yang lepas, penulisannya adalah mengenai kegemilangan Lukut pada abad ke-19 dari aspek pentadbirannya. Ini dapat dilihat apabila perbincangan kajian lepas adalah mengenai peristiwa pembunuhan Raja Busu dan kemajuan yang dijalankan oleh Raja Jumaat sebagai pembesar Melayu. Sebaliknya penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut kurang diberi perhatian secara lebih khusus. Justeru, pembacaan yang dijalankan oleh penyelidik akan membantu penyelidik untuk menjana idea serta melancarkan penulisan ini.

1.9 Metodologi Kajian

Kaedah kualitatif sejarah digunakan dalam kajian ini bagi memperoleh maklumat yang ingin dikaji. Terdapat empat peringkat proses penyelidikan sejarah iaitu pemilihan bahan, menganalisis sumber, pengumpulan bahan dan penulisan atau lebih dikenali





sebagai heuristik. Seterusnya, ahli sejarawan perlu mentafsir terlebih dahulu setelah mereka membuat pemerhatian ke atas sumber-sumber sejarah. Sehubungan dengan itu, pengkaji perlu mengumpul sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti sumber yang diperlukan bagi menghasilkan sebuah penulisan. Pengkajian perlu dilakukan bagi mendapatkan sokongan setiap hujah yang dikemukakan. Hal ini bertujuan mengelakkan unsur bias sebelum sesuatu penulisan dihasilkan. Penulisan sejarah yang baik perlu menggunakan sumber primer dan sekunder. Oleh itu, pengkaji perlu membuat penyelidikan dengan merujuk dokumen rasmi dan tidak rasmi, menelaah jurnal dan buku. Pendekatan penulisan adalah mengandungi analisis dokumen berkaitan perubahan dan perkembangan penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut dari tahun 1824 sehingga 1920.



Antara sumber primer yang dirujuk adalah peta, dokumen rasmi, fail-fail kerajaan, minit mesyuarat dan sebagainya di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur sepanjang tempoh kajian. Arkib Negara merupakan gedung khazanah yang menyimpan pelbagai dokumen rasmi negara. Antara dokumen yang di rujuk adalah *Colonial Secretary Office (C.S.O)*, *B/SUK*, *Annual Report*, *Federated Malay State* dan *Straits Settlement Records*. Pengkaji turut menjadikan surat khabar sebagai rujukan kerana terdapat peristiwa yang berkaitan sezaman dengan maklumat yang ingin dikaji. Antaranya, *Straits Budget* dan *The Straits Times*. Misalnya, semasa zaman kejatuhan daerah Lukut dan pampasan yang diberikan kepada Raja Haji Bot selaku pembesar Melayu di daerah Lukut.





Selain itu, kajian ilmiah ini menggunakan kajian perpustakaan dengan mendapatkan sumber sekunder seperti merujuk artikel, buku dan kertas kerja. Rujukan sekunder digunakan dalam menganalisis sebilangan maklumat yang berkaitan perkembangan penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut. Pengkaji turut membuat rujukan di beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, Wisma Sejarah Kuala Lumpur, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Perbadanan Perpustakaan Awam Alor Setar, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Kuala Lumpur, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Muzium Lukut Negeri Sembilan, Muzium Cina Malaysia Wisma Huazong, Muzium Cina Negeri Sembilan dan Muzium Perlombongan Bijih Timah, Kinta.



Selanjutnya, maklumat ini menggunakan tafsiran hermeneutik yang bertujuan untuk memahaminya. Malah, maklumat dianalisis terlebih dahulu sebelum penulisan kajian dijalankan. Pengkaji harus terlebih dahulu menyemak sumber untuk melihat sama ada ia boleh digunakan ataupun tidak bagi mengetahui ketepatan fakta dan menggunakan jenis sumber terbaik.²¹ Di samping itu, penyelidik juga turut menjalankan kritikan luaran bagi menentukan kesahan fakta tersebut.²² Justeru itu, tidak wujud kesangsiannya dan dipertikaikan terutamanya apabila ia melibatkan

²¹ Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mengafir Sumber Sejarah*, (Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2004),11.

²² Ishak Saat, *Penulisan Sejarah*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2010),61.





penulisan sejarah sama ada dalam bentuk kronologi peristiwa bagi memastikan ia mengikut susunan yang betul.²³ Kemudian barulah penulisan sejarah dijalankan.

1.10 Pembahagian Bab

Struktur penulisan ini mempunyai enam bab keseluruhannya, iaitu;

Bab 1: Pengenalan

Permulaan bagi menggambarkan keseluruhan kajian penyelidik adalah pada bab satu.

Pengkaji telah memuatkan beberapa aspek penting dalam menghasilkan kajian.

Antaranya meliputi pendahuluan, latar belakang penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi operasional, tinjauan kajian lepas, metodologi kajian, pembahagian bab dan akhir sekali adalah kesimpulan.

Bab 2: Latar Belakang

Perbincangan bab dua akan melihat mengenai sejarah daerah Lukut yang kaya dengan perlombongan bijih timah. Penglibatan orang Melayu dalam kegiatan perlombongan bijih timah turut dikupas dalam bab ini, memandangkan aktiviti bijih timah telah

²³ Muhd. Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah Falsafah Pengertian Kaedah dan Pensejarahan Edisi Kedua*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2016),190.





dijalankan sebelum kedatangan imigran Cina di daerah Lukut. Selain itu, faktor yang mendorong kedatangan imigran Cina di daerah Lukut juga dibincangkan. Pada bahagian akhir pula, pertambahan bilangan penduduk di daerah Lukut juga akan diolah dalam bab dua ini.

Bab 3: Penglibatan Imigran Cina Dalam Aktiviti Perlombongan Bijih Timah Di Daerah Lukut

Perbincangan di bab tiga akan mengupas mengenai penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut. Selain itu, pembaharuan kaedah perlombongan bijih timah semasa penglibatan imigran Cina turut dibincangkan menerusi bab ini. Perbincangan berlanjutan sehingga zaman pemerintahan British apabila permohonan lesen dan permit ke atas tanah perlombongan bijih timah diperkenalkan bagi memudahkan pentadbiran British. Perbincangan pada bahagian akhir bab ini pula adalah mengenai jumlah hasil pengeluaran bijih timah daerah Lukut yang turut dianalisis setelah keterlibatan imigran Cina dalam aktiviti perlombongan bijih timah.

Bab 4: Sumbangan Imigran Cina Terhadap Perkembangan Ekonomi Di Daerah Lukut

Bab empat pula, pengkaji akan menganalisis sumbangan dan peranan imigran Cina terhadap perkembangan ekonomi di daerah Lukut. Malah, penglibatan imigran Cina secara aktif dalam perlombongan bijih timah telah mewujudkan premis perniagaan sehingga memakmurkan daerah Lukut kerana dilengkapi dengan kemudahan





infrastruktur yang serba lengkap. Bab ini turut akan membincangkan mengenai pemerolehan cukai yang diperoleh daripada imigran Cina bagi menjana sumber ekonomi daerah Lukut. Perbincangan turut melihat aspek tenaga kepakaran imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah.

Bab 5: Implikasi Penglibatan Imigran Cina Dalam Kegiatan Perlombongan Bijih Timah Di Daerah Lukut

Perbincangan bab lima adalah kesinambungan daripada bab empat yang akan membincangkan mengenai implikasi penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut. Perbincangan akan meneliti mengenai implikasi perkembangan politik, ekonomi dan sosial daerah Lukut ekoran perkembangan bijih timah. Kemerosotan dan kelangsungan pasca Perang Dunia Pertama di daerah Lukut sehingga mengakibatkan penurunan bilangan imigran Cina turut dibincangkan. Tambahan pula pada ketika itu syarikat barat mula menguasai perlombongan bijih timah di daerah Lukut. Keadaan ini turut memberikan kesan secara tidak langsung ke atas orang Melayu di daerah Lukut.

Bab 6: Kesimpulan

Akhir sekali, bab enam merupakan penutup bagi keseluruhan kajian ini. Pengkaji membuat rumusan berdasarkan apa yang berlaku kepada daerah Lukut mengikut skop kajian yang dipilih iaitu bermula tahun 1824 sehingga 1920. Turut diambil kira ketepatan kandungan melalui objektif kajian turut akan dinilai. Secara ringkasnya, bab





ini akan membuat rumusan secara keseluruhan mengenai kajian yang diperoleh iaitu penglibatan imigran Cina terhadap perkembangan perlombongan bijih timah di daerah Lukut.

1.11 Kesimpulan

Kajian penglibatan imigran Cina dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut pada tahun 1824 hingga 1920 adalah merupakan kelangsungan dari kajian lepas berkenaan perlombongan bijih timah. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memenuhi kelompangan dan memberi maklumat baharu kepada pembaca mengenai kegiatan perlombongan bijih timah yang berlaku di daerah Lukut. Oleh itu, kajian ini memperlihatkan konflik dan kesan yang turut mengubah pensejarahan di daerah Lukut.

Di samping itu, pembaca akan didedahkan mengenai penglibatan imigran Cina yang menyumbang kepada pembangunan terhadap daerah Lukut. Walaupun, daerah Lukut mengalami pembangunan ekonomi dan sumbangan pelombong Cina ini besar ke atas kegiatan perlombongan bijih timah. Namun, terdapat juga implikasi ke atas penglibatan mereka dalam kegiatan perlombongan bijih timah di daerah Lukut tahun 1824 sehingga 1920.

